

NO. SOALAN : 5

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI  
(TENOM)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah pelatih yang telah menjalani Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 2.0 dan apakah bidang-bidang kemahiran yang baharu diperkenalkan dalam PLKN 2.0 bagi setiap kem di seluruh negara.

**JAWAPAN:**

Jumlah pelatih yang telah mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN 2.0) sejak tahun 2015 sehingga kini, adalah berjumlah seramai 41,139 pelatih.

PLKN 2.0 telah memperkenalkan dua fasa iaitu Fasa 1 dan Fasa 2 di mana Fasa 1 dikenali sebagai *Integrated Learning Programme* yang menumpukan kepada latihan dalam kem selama dua bulan dan didedahkan dengan lapan modul seperti berikut:

- a. Modul Malaysiaku;
- b. Modul *Be Safe Be Alert*;
- c. Modul *Fit4life*;
- d. Modul *i Upgrade*;
- e. Modul *Service Learning*;
- f. Modul *Tech & Talk*;
- g. Modul Kerohanian; dan
- h. Modul *Myfuture*.

Fasa 2 pula menyediakan kursus bersifat kemahiran seperti berikut:

- a. Automotif;
- b. Pengangkutan dan logistik;
- c. Pelancongan dan hospitaliti;
- d. Pertanian, perhutanan dan perikanan;
- e. Pembuatan;
- f. Perkilangan;
- g. Hotel dan Pelancongan;
- h. Seni kulinari;
- i. Seni dan budaya; dan
- j. Multimedia kreatif.